

**HUBUNGAN GAYA KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL PENGETUA DENGAN
KEPUASAN KERJA GURU
DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH PASIR GUDANG**

INTAN NOR FARINIE BINTI ABD MAJID

**Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)**

**Fakulti Pendidikan
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Jun 2013

Dedikasi

"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.
Segala Pujian Atas Limpah Kurnia Allah S.W.T Tuhan Seluruh Alam.
Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W"

Buat abah dan mak tersayang, Fudziah Anum Hj. Othman dan Abd. Majid b Baba yang sentiasa memahami jerih perih yang kami lalui sepanjang kami menimba ilmu dan tidak pernah keberatan menghulur bantuan.
Jasa kalian akan ku kenang ke akhir hayatku.

Suami tercinta, Adharizam b Adanan yang sama-sama mengharungi cabaran menuntut ilmu dan yang sentiasa menyokong isterimu dalam menggapai segulung ijazah. Semoga segala badai yang melanda menguatkan lagi ikatan kasih dan sayang antara kita.

Buat anak-anak yang mama kasih, Qaseh Aleesya Puteri Adrin, Qeisyah Arissa Puteri Adrin dan Qyra Amaani Puteri Adrin, kalian sentiasa menjadi nadi kekuatan mama dan kerana kalianlah mama berazam untuk menghabiskan pengajian ini.
Terima kasih atas pengorbanan yang telah kalian lakukan.

Untuk ahli keluarga semua dan sahabat-sahabat yang sentiasa memahami kesulitan yang dihadapi sepanjang diri ini bergelar mahasiswi.

Sesungguhnya kejayaan ini adalah azimat untuk kalian semua.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

“Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarga dan para sahabat baginda sekalian. Syukur Alhamdulillah kerana telah mengurniakan saya kesihatan yang baik hingga dapat menyiapkan laporan Projek Sarjana ini.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia penyelidikan, Dr Khadijah Binti Daud yang begitu besar jasanya membimbing, menegur dan menasihati saya sepanjang proses menyiapkan projek penyelidikan sarjana ini.

Jutaan terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Jabatan Pelajaran Johor, Pejabat Pelajaran Daerah dan rakan-rakan guru sekolah menengah daerah Pasir Gudang yang telah memberikan kerjasama dengan baik dan terlibat secara langsung dalam penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat mak, abah, suami dan anak-anak yang tidak jemu-jemu memberikan dorongan, sokongan, perhatian dan mendoakan kejayaan ini. Buat sahabatku Fauzi, Izad, Hadiyah, Rahim, Adha, Razak dan Hamid jerit perih kita selama ini akhirnya berbaloi juga dan inilah hadiah yang paling bernilai buat sokongan kalian semua. Semoga Allah sentiasa merahmati dan memberkati kalian sepanjang masa. Amin.

Sekian, Wassalam.

ABSTRAK

Penyelidikan deskriptif ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan gaya kepimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru. Seramai 345 orang guru dari sekolah-sekolah menengah daerah Pasir Gudang telah terlibat. Penyelidik telah menggunakan instrumen MLQ (*Multi Factor Leadership Questionnaire*) untuk melihat gaya kepimpinan transformasional pengetua dan kepuasan kerja guru pula adalah menggunakan borang soal selidik *Minnesota* dari Weiss (1967) sebagai instrumen kajian. Dapatan kajian rintis mendapati nilai kebolehpercayaan “alpha cronbach” adalah dalam lingkungan 0.742 hingga 0.838. Kesemua data telah dianalisis menggunakan SPSS versi 20.0 dengan analisis statistik deskriptif dan inferensi yang melibatkan korelasi sahaja. Gaya kepimpinan transformasi yang paling dominan ialah Bertimbangrasa Secara Individu manakala tahap kepuasan kerja guru pula yang paling tinggi ialah Peluang untuk Maju dalam Profesion Anda. Analisis korelasi juga mengesahkan bahawa pengaruh ideal dan motivasi berinspirasi mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kepuasan kerja guru. Manakala bagi komponen pertimbangan individu dan stimulasi intelektual menunjukkan bahawa tiada hubungan yang signifikan terhadap kepuasan kerja guru. Akhirnya beberapa cadangan telah dikemukakan untuk tindakan pihak yang berkenaan serta kajian pada masa hadapan.

ABSTRACT

This descriptive research aims to identify the relationship between transformational leadership style and the level of job satisfaction. A total of 345 teachers from secondary schools in Pasir Gudang were involved. Researchers have used the MLQ instrument (Multi Factor Leadership Questionnaire) to see transformational leadership style of principals and questionnaire Minnesota from Weiss (1967) is used as instrument to see teachers' job satisfaction. The finding of the pilot study indicated that the instrument's coefficient alpha is 0.742 to 0.838. Data from the survey were analysed using the Statistical Package of Social Sciences (SPSS) version 20.0, involving descriptive and inferential statistics of correlation only. Findings of the study show that the Individually Considerate is highly practised in transformational leadership. Meanwhile, the most dominant aspects of teachers' job satisfaction is Opportunity to Advance in Your Profession. Correlation analysis also confirmed that the ideal influence and inspirational motivation has a significant relationship to job satisfaction. While the individual components of consideration and intellectual stimulation showed no significant relationship to job satisfaction. Finally, the study proposed several suggestions to relevant agencies or parties for further actions and for future research.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
BAB 1	1
PENDAHULUAN	1
1.1 PENGENALAN	1
1.2 LATAR BELAKANG MASALAH	4
1.3 PERNYATAAN MASALAH	11
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	12
1.5 PERSOALAN KAJIAN	12
1.6 HIPOTESIS KAJIAN	13
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	13
1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN	16
1.9 KERANGKA KAJIAN	17
1.9.1 KERANGKA TEORI KAJIAN	17
1.9.1.1 Teori Kepimpinan Transformasional	18
1.9.1.2 Teori Kepuasan Kerja	19
1.9.1.3 Teori Dua Faktor Herzberg	20
1.9.2 KERANGKA KONSEP KAJIAN	21
1.10 DEFINISI ISTILAH DAN OPERASIONAL	25
1.10.1 Kepimpinan	25
1.10.2 Kepuasan Kerja	27
1.10.3 Pengetua	28
BAB 2	30
SOROTAN KAJIAN	30
2.1 PENGENALAN	30
2.2 TEORI KEPIMPINAN	31

2.2.1 KONSEP KEPIMPINAN	31
2.2.3 Model Teori Kepimpinan Transformasional Leithwood	38
2.2.4 Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel	39
2.2.5 Model Kepimpinan Transformasi	42
2.2.6 Kajian-Kajian Lepas Kepimpinan Transformasional	46
2.3 KEPUASAN KERJA	50
2.3.2.1 Teori Maslow	54
2.3.2.2 Teori Herzberg	56
2.3.3 Kajian Lepas Berkaitan Kepuasan Kerja	57
2.4 KAJIAN LEPAS BERKAITAN KEPIMPINAN TRANSFORMASIONAL DAN KEPUASAN KERJA.	59
2.5 KESIMPULAN	63
BAB 3	64
METODOLOGI KAJIAN	64
3.1 PENGENALAN	64
3.2 REKABENTUK KAJIAN	65
3.3 PROSEDUR KAJIAN	66
3.4 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN	67
3.5 INSTRUMEN KAJIAN	68
3.5.1 Bahagian A – Maklumat Demografi Guru	69
3.5.2 Bahagian B – Gaya Kepimpinan Pengetua	69
3.5.3 Bahagian C - Kepuasan Kerja	71
3.6 KAJIAN RINTIS	71
3.7 ANALISIS DATA KAJIAN	75
3.8 KESIMPULAN	78
BAB 4	79
DAPATAN KAJIAN	79
4.1 Pengenalan	79
4.2 Profil responden	80
4.3 Gaya kepimpinan transformasional yang diamalkan oleh pengetua di sekolah-sekolah menengah di daerah Pasir Gudang	83

4.3.1	Mengenalpasti gaya kepimpinan transformasional (Karisma, Bertimbang Rasa Secara Individu, Merangsang Intelek, dan Motivasi Inspirasi) yang dominan diamalkan oleh pengetua di sekolah-sekolah menengah di daerah Pasir Gudang	83
4.3.2	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Karisma	84
4.3.3	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Bertimbang Rasa Secara Individu	85
4.3.4	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Merangsang Intelek	87
4.3.5	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Motivasi Inspirasi	89
4.4	Tahap kepuasan kerja guru di sekolah menengah	91
4.4.1	Taburan Kepuasan Kerja	91
4.5	Hubungan gaya kepimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru di sekolah menengah	92
BAB 5		95
RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN		95
5.1	Pengenalan	95
5.2	Rumusan Kajian	96
5.3	Perbincangan dapatan kajian	97
5.3.1	Gaya kepimpinan transformasional (pengaruh ideal, pertimbangan individu, motivasi berinspirasi dan stimulasi intelektual) yang paling dominan diamalkan oleh pengetua di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.	97
5.3.2	Tahap kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang	98
5.2.3	Hubungan antara kepimpinan transformasional pengetua dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.	101
5.4	Implikasi Kajian	103
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	104
5.6	Kesimpulan	105
Rujukan		106
Bahagian A		124
(Maklumat Demografi Guru)		124
1.	JANTINA	124
2.	UMUR	124

3. KAHWIN	124
4. SUDAH BERAPA LAMA TUAN/PUAN MENGAJAR DI SEKOLAH INI	124
5. PENGALAMAN MENGAJAR SECARA KESELURUHAN	124
6. BANGSA	124
7. KELAYAKAN AKADEMIK TERTINGGI	124

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	18
1.2	Teori Maslow	19
1.3	Kerangka Konsep Gaya Kepimpinan Transformasional Pengetua dengan Tahap Kepuasan Kerja Guru	21
2.1	Ciri-ciri Kepimpinan Transformasional	34
2.2	Model 4I's Empat Komponen Utama Kepimpinan Transformasional	43
3.1	Reka Bentuk Korelasi	65

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Senarai Item Bagi Tingkahlaku Kepimpinan Transformasional	70
3.2	Nilai Alpha Bagi Soal Selidik Bahagian B	74
3.3	Nilai Alpha Bagi Soal Selidik Bahagian C	75
3.4	Tahap Kekuatan Hubungan Dalam Kaedah Korelasi	77
4.1	Pecahan Responden Mengikut Jantina	80
4.2	Pecahan Responden Mengikut Umur	80
4.3	Pecahan Responden Mengikut Status Perkahwinan	81
4.4	Pecahan Responden Mengikut Tempoh Mengajar di Sekolah Terkini	81
4.5	Pecahan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Secara Keseluruhan	81
4.6	Pecahan Responden Mengikut Bangsa	82
4.7	Pecahan Responden Mengikut Pencapaian Akademik Tertinggi	82
4.8	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional	83
4.9	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Karisma	84
4.10	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Bertimbangrasa Secara Individu	85
4.11	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Merangsang Intelek	87
4.12	Taburan Gaya Kepimpinan Transformasional Motivasi Inspirasi	89
4.13	Taburan Kepuasan Kerja	91
4.14	Hubungan antara Pengaruh Ideal (<i>idealized influenced</i>) dengan Kepuasan Kerja Guru	92
4.15	Hubungan antara Pertimbangan Individu (<i>individualized consideration</i>) dengan Kepuasan Kerja Guru	93
4.16	Hubungan antara Motivasi Berinspirasi (<i>inspirational motivation</i>) dengan Kepuasan Kerja Guru	93

4.17	Hubungan antara Stimulasi Intelek (<i>intellectual stimulation</i>) dengan Kepuasan Kerja Guru	94
------	--	----

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Cabaran terhadap kepimpinan dalam sekolah telah wujud sejak awal penubuhan sekolah. Pada hari ini, cabaran yang dihadapi oleh komuniti ini bukan sekadar meliputi isu-isu, bahkan isu persekitaran teknologi dan ekonomi yang sentiasa berubah. Sebagai penjana tenaga kerja masa depan, institusi-sekolah diberi tanggungjawab untuk membangunkan modal insan dengan kepakaran, kualiti dan kuantiti yang bersesuaian agar negara dapat berdaya saing dalam era ekonomi global (Mohamed Khaled Nordin, 2008).

Bagi merealisasikan matlamat ini, sekolah yang merupakan penyumbang penting dalam pembangunan modal insan bermentaliti kelas pertama, perlu membuat pembaharuan dalam kepimpinan guru (Imran, 2009). Pengetua adalah antara barisan kepimpinan sekolah yang memainkan peranan penting dan kritikal (Coats, 2000), bertanggungjawab memimpin sekolah supaya berfungsi dengan lebih teratur serta berkesan bagi melaksanakan misi guru dengan cemerlang. Tanggungjawab pengetua terhadap misi pengajaran, penyelidikan, dan perkhidmatan kemasyarakatan (Bragg, 2000) menjadikan pengetua bertanggungjawab

menentukan halatuju institusi serta program-program yang dijalankan serta memastikan kualiti kurikulum dengan mentadbir sumber dan menyediakan persekitaran yang bersesuaian untuk perkembangan, pemeliharaan, dan perpindahan pengetahuan (Rosser, 2003). Pengetua juga perlu menangani masalah dan isu-isu persekitaran kepimpinannya secara professional berasaskan pengetahuan dan kemahiran kognitif, afektif serta kemahiran pengurusan sumber manusia (Montez et al., 2002). Untuk mengurus isu-isu seperti kepelbagaian kumpulan pelajar, perubahan persekitaran dan persaingan antara sekolah, serta perkembangan teknologi masa kini, pengetua perlu memahami proses-proses sosial, khususnya peranan jawatan serta gaya kepimpinan yang berupaya mempengaruhi sikap guru terhadap kerja (Shieh et al., 2001). Kemantapan dan kualiti kepimpinan yang dimiliki oleh pengetua dapat menentukan kejayaan dan keberkesanan sekolah dalam menghadapi cabaran dan peluang yang muncul ekoran perubahan globalisasi untuk menyampaikan guruan yang berkualiti

Kajian mendapati bahawa orientasi kepimpinan yang diamalkan oleh pemimpin guruan mempengaruhi persepsi guru terhadap kualiti dan keberkesanan pemimpin (Thompson, 2000) serta prestasi, komitmen dan kepuasan kerja guru (Abdul Ghani, 2005). Orientasi kepimpinan yang mantap memainkan peranan penting dalam mempengaruhi ciri-ciri organisasi guruan, membentuk nilai dan kepercayaan guru serta sikap bekerja dan komitmen mereka (Zaharah, 2002; Gabbidon, 2005). Justeru itu, pengetua perlu memahami dengan jelas tentang pengaruh perilaku kepimpinan dan kredibiliti mereka terhadap tahap komitmen kakitangan bawahannya. Keberkesanan kepimpinan pemimpin ditentukan oleh perhatian terhadap pembangunan kerjaya pengikutnya (Ishak, 2006) serta tempoh guru kekal dalam sesuatu organisasi dan produktivitinya (McColl-Kennedy & Anderson 2002). Ringkasnya, kejayaan sekolah dalam persekitaran yang kompetitif bergantung pada kepimpinan yang dapat mengarah modal insan kepada prestasi optima, peningkatan produktiviti, inovasi yang kreatif serta tenaga kerja yang komited. Realiti baru ini memerlukan pengetua untuk memberi tumpuan kepada tingkah laku kepimpinan yang sesuai bagi persekitaran yang berasaskan pelanggan (*consumer-driven environment*) (Wergin 2004).

Walaupun sumbangan kepimpinan transformasional pemimpin terhadap prestasi dan komitmen guru tidak boleh dinafikan, pemimpin-pemimpin disaran untuk berfikir fleksibel serta pelbagai dimensi bagi memperkukuhkan kepimpinan mereka dalam usaha mempertingkatkan komitmen dan prestasi guru (Abdul Shukor, 2004). Anjakan paradigma peranan kepimpinan dalam persekitaran yang kompleks dan dinamik hari ini memerlukan amalan kepimpinan pelbagai dimensi yang fleksibel dan partisipatif untuk memenuhi keperluan pelanggan berbanding kepimpinan dan birokrasi yang tegar (Abdul Shukor 2004) kerana setiap model kepimpinan mempunyai kelemahannya sendiri yang mana tidak semua model mampu digunakan dalam semua konteks dan situasi (Cheng 2005).

Dalam konteks ini, Cheng (2005) dan Del Favero (2006) berpendapat bahawa amalan kepimpinan yang pelbagai dan fleksibel lebih menjurus kepada keberkesanan kepimpinan berbanding amalan satu gaya kepimpinan sahaja. Kebolehan untuk menggunakan pelbagai orientasi kepimpinan serta menukar dari satu orientasi kepada yang lain mencerminkan pembezaan dan integrasi kognitif yang tinggi. Pemimpin yang berkebolehan menggabungkan jalin elemen-elemen beberapa orientasi kepimpinan adalah lebih fleksibel untuk bertindakbalas kepada tugas-tugas pentadbiran yang berbeza serta dapat memenuhi harapan ahli-ahlinya dengan lebih cekap dan seterusnya mempengaruhi komitmen ahli kepada institusi (Castiglia, 2006). Namun begitu, daripada kajian kepustakaan berhubung pentadbiran sekolah, didapati kurang maklumat serta bukti empirikal yang menjelaskan secara langsung bagaimana keberkesanan kepimpinan khususnya dari aspek orientasi kepimpinan transformasional memberi impak kepada komitmen unit kerja yang utama iaitu guru. Kebanyakan kajian terdahulu adalah lebih bertumpu kepada memahami peranan dan tanggungjawab serta cabaran tertentu dalam pelaksanaan peranan (Montez et al. 2002; Zainab 2005), dan pengaruh faktor-faktor demografi pemimpin (Del Favero 2006 Rosser et al. 2003; Zaharah 2002; Zaharah 2004).

1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Bagi pengurusan sekolah di abad ke-21 ini, elemen yang paling penting ialah kualiti kepimpinan yang cemerlang. Menurut Ab. Aziz (2003), tunggak utama penilaian terhadap keberkesanan pengurusan adalah melalui kualiti kepimpinan yang ditunjukkannya. Pernyataan ini turut disokong oleh Robbins (2000) yang menyatakan bahawa sememangnya tidak dapat dipersoalkan bahawa kejayaan sesebuah organisasi atau sebarang kumpulan dalam organisasi bergantung kepada kualiti kepimpinan sebagai penentu utama kualiti organisasi. Maka jika dalam konteks organisasi sekolah, pengetua adalah individu yang paling penting dan berpengaruh kerana pengetualah yang menetapkan iklim pembelajaran di sekolah, tahap profesionalisme guru-guru dan masa depan modal insan iaitu pelajar (Hussein, 1997).

Walau bagaimanapun, terdapat isu yang timbul apabila pemimpin sekolah di Malaysia didapati masih tidak dapat berfungsi sebagai pemimpin pengurusan dan pemimpin pengajaran yang berkesan seperti dalam laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006 – 2010). Dapatan menunjukkan bahawa perubahan bentuk kepimpinan yang telah diperkenalkan untuk diimplementasikan oleh pemimpin sekolah masih tidak sejajar dengan perubahan dan keperluan semasa. Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan pelbagai gaya kepimpinan dalam usaha untuk melestarikan kecemerlangan sekolah secara berterusan yang mana antaranya ialah kepimpinan transformasional dan kepimpinan transaksional. Kajian-kajian terdahulu mendapati bahawa gaya kepimpinan transformasional boleh membawa perubahan yang baik kepada sesebuah organisasi sekolah. Namun begitu, usaha untuk menerapkan gaya kepimpinan ini masih belum memberikan kesan yang ketara walaupun telah lama diamalkan.

Dalam merealisasikan matlamat pendidikan negara, kepimpinan pengetua berperanan sebagai tunggak utama kepada pembangunan pendidikan berkualiti iaitu merujuk kepada pengurusan sekolah yang cemerlang dan kemantapan dalam kepimpinan pendidikan. Dalam erti kata lain, kemantapan kepimpinan sekolah dilihat sebagai pemacu ke arah penghasilan pendidikan yang berkualiti. Ini bererti, pengetua selaku ketua jabatan di sekolah diberi amanah

untuk merealisasi aspirasi dan pembangunan pendidikan negara (Abas Awang & Balasundran A. Ramaiah, 2002) dan bertanggungjawab terhadap kecemerlangan dan kejayaan sesebuah sekolah. Sungguhpun demikian, McNulty et al. (2005) menegaskan bahawa tugas pengetua di sekolah tidak terhad hanya kepada tugas rutin pentadbiran sahaja malah mereka perlu menggerakkan segala bentuk sumber dan modal insan di bawah tadbirannya terutamanya guru supaya mereka dapat menyumbang khidmat dengan komited dan efektif. Ubben et al. (2001) pernah menyebut bahawa setiap aktiviti yang berlaku di sekolah adalah tanggungjawab pengetua malah penghasilan sebuah sekolah yang efektif, harmonis serta cemerlang dikatakan berakar umbi daripada kepimpinan pengetua yang berkesan.

Pandangan McNulty et al. (2005) turut disokong oleh Sheilds (2005) yang mengatakan bahawa tugas utama pengetua tidak terhad hanya melaksanakan peranan fungsional seperti pengelolaan, penyelarasan dan penilaian tetapi perlu menjadi suri teladan atau sumber inspirasi kepada guru-guru. Di samping itu, kepimpinan sekolah juga disaran supaya mengamalkan stail kepimpinan yang lebih mengutamakan nilai kemanusiaan seperti membina hubungan yang harmonis dengan guru, bersikap telus, mudah didekati, kerap memberi motivasi, membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada guru (Bush, 2003; Hussein Haji Ahmad, 2001). Mengikut Chan Yuen Fook (2000) pula, aspirasi pendidikan negara tidak akan mencapai matlamat jika kepimpinan sekolah terlalu tertumpu kepada tugas pentadbiran sahaja sedangkan bidang kepengetuaan hari ini bersifat dinamik, kompleks malah menuntut sesuatu yang lebih tinggi (Herbert, 2006) dalam menyediakan pengetua yang mampu menghasilkan guru yang komited terhadap sekolah. Sehubungan dengan itu Fullan (2001) juga menyuarakan pendapat mereka tentang ciri-ciri kepimpinan yang perlu dimiliki oleh pengetua sekolah dalam era globalisasi. Ciri yang dimaksudkan dikenali sebagai kepimpinan profesional iaitu merujuk kepada sikap tegas pengetua dalam membuat keputusan, mempunyai matlamat yang realistik serta menekankan keunggulan sebagai pemimpin ketika di sekolah. Di samping itu, pengetua juga perlu menitikberatkan aspek pembangunan manusia seperti kepuasan kerja dan komitmen guru terhadap sekolah (Deal & Peterson, 2000; Ghazali Othman, 2001). Pendek kata, pengetua dituntut untuk memberikan keseimbangan antara kecemerlangan dalam pengurusan dengan kepimpinan yang efektif sebagai pembuka ruang kepada penghasilan guru yang komited terhadap sekolah dan profesion.

Masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada sekolah dalam usaha melahirkan warga yang berkualiti iaitu berilmu, bermoral serta berkemahiran tinggi (Donaldson, 2006). Bagi merealisasikan aspirasi negara, pengetua adalah penjawat awam yang dipertanggungjawabkan untuk memimpin sekolah supaya berfungsi dengan lebih teratur dan berkesan. Namun begitu, isu kelemahan kepimpinan pengetua dalam memimpin sekolah bukanlah isu baru dalam kajian kepengetuaan. Fullan (2001); Deal dan Peterson (2000) serta Abdul Shukor Abdullah (2004) mendedahkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam kepimpinan pengetua yang berupaya mengendalakan pengurusan sekolah untuk berfungsi dengan berkesan. Antara kelemahan utama adalah stail kepimpinan pengetua yang sentiasa merujuk kepada model birokratik menyebabkan mereka kabur tentang peranan mereka sebagai pemimpin yang perlu menjana komitmen guru terhadap sekolah. Dalam hal ini juga, Azlin Norhaini Mansor (2006) dan Foo Say Fooi (2003) menyuarakan kebimbangan mereka kerana masih terdapat ramai pengetua yang masih mendokong model pengurusan klasik sebagai model terbaik untuk mengurus sekolah. Akibatnya, mereka cenderung kepada stail kepimpinan autokratik menerusi peraturan formal, mengabaikan kehendak psikologi guru, terlalu mengutamakan pencapaian akademik dan mengetepikan peranan sebagai pemimpin yang dapat menjana modal insan yang berkualiti untuk tujuan pembangunan pendidikan (Chan Yuen Fook, 2004; Herbert, 2006).

Dalam membincangkan isu tentang kelemahan kepimpinan pengetua, Vishalache Balakrishnan (2005) turut melaporkan bahawa pengetua di Malaysia masih mengamalkan komunikasi yang sehalu, kurang berinteraksi dengan guru, tidak melaksanakan autonomi guru malah jarang melaksanakan pengurusan pengupayaan dianggap menjadi punca penurunan tahap komitmen guru terhadap sekolah. Secara keseluruhan, dapatan kajian mereka membuktikan bahawa peranan pengetua di sekolah kini hanya sebagai pentadbir dan bukan pemimpin pendidikan profesional seperti yang diinginkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia iaitu mencakupi peranan sebagai pendidik, pembimbing guru serta pemimpin yang dapat menjana kesetiaan guru supaya lebih komited dan produktif (Abdul Shukor Abdullah, 2004).

Secara ideal, penemuan di atas mewajarkan kupasan terperinci tentang kepimpinan pengetua dalam usaha untuk melahirkan pengetua yang berwawasan, berwibawa dan sekaligus menjadikan kualiti kepimpinan sekolah kita bertaraf dunia. Kajian yang berterusan dalam bidang kepengetuaan juga diharap dapat memberi jawapan sama ada kepimpinan sekolah di Malaysia masih merujuk kepada model birokratik yang dapat menjejaskan proses membuat keputusan dan mencengkam kreativiti guru atau sebaliknya. Secara umum, hasil kajian ini nanti berupaya menjawab soalan tentang stail kepimpinan utama pengetua di Malaysia dan pengetua di Johor secara khusus.

Sehubungan dengan itu, pengetua turut dituntut untuk mengamalkan stail kepimpinan yang pelbagai ketika memimpin sekolah kerana setiap model kepimpinan mempunyai kelemahannya tersendiri. Antara kelemahan yang nyata adalah tidak semua model mampu digunakan dalam semua konteks dan situasi (Rahimah, 2003; Ross, 2006). Oleh itu, pengetua perlu cekap menyesuaikan stail kepimpinan mengikut situasi, jenis sekolah dan keperluan ketika memimpin. Pengetua sekolah yang bijak didapati mampu mengamalkan stail kepimpinan yang sesuai berdasarkan situasi tanpa berpegang kepada satu stail kepimpinan sahaja (Dunford, et al. 2000). Dalam konteks ini, Abdul Shukor Abdullah (2004) berpendapat bahawa amalan kepimpinan yang pelbagai dan luwes lebih menjurus kepada keberkesanan kepimpinan berbanding amalan satu stail kepimpinan sahaja. Persoalannya, adakah pengetua sekolah kini telah mengamalkan stail kepimpinan yang pelbagai ketika mentadbir sekolah atau masih berpegang kepada satu model kepimpinan sahaja? Jawapan kepada persoalan tersebut memerlukan kupasan terperinci tentang stail kepimpinan pengetua di Malaysia.

Walaupun terdapat teori dan model kepimpinan yang berlainan, namun para sarjana bersetuju bahawa teori kepimpinan transformasional adalah lebih sesuai untuk memahami proses kepimpinan dalam institusi guruan (Bolman & Deal, 1997; Cheng, 2005; DelFavero, 2006; Thompson, 2000). Teori-teori kepimpinan tradisional adalah terlalu ringkas serta tidak cukup untuk memahami dan menyokong proses-proses kepimpinan dalam persekitaran global yang pesat berubah. Ini kerana teori ini mengabaikan aspek-aspek budaya dan politik dalam proses organisasi khususnya dalam organisasi guruan (Cheng, 2005) berbanding pendekatan kepimpinan transformasional yang lebih komprehensif dan praktikal bagi pemahaman kognitif

terhadap perspektif kepemimpinan menerusi ukuran-ukuran struktural, budaya dan prestasi (Bolman & Deal, 1997).

Guru yang komited seringkali dikaitkan dengan keberkesanan pengurusan dan kepimpinan organisasi (Meyer & Allen, 1997). Pelopor teori organisasi menyatakan bahawa keberkesanan organisasi berkait rapat dengan kaedah pengurusan fungsi sumber manusia dan guru. Pemimpin yang berupaya memahami tindak balas dan tingkah laku, serta dapat menjangkakan reaksi orang lain terhadap sesuatu situasi, lazimnya lebih berjaya dalam membina serta memperkukuhkan hubungan dan persekitaran yang positif (Bloom, 2004), serta boleh mempengaruhi kakitangan untuk bersikap optimis, komited kepada organisasi, dan saling bekerjasama (Mumford et al., 2002). Guru yang komited akan memberi sepenuh tenaga dan perhatian mereka kepada organisasi, mempunyai motivasi dan kepuasan kerja yang tinggi serta lebih produktif. Komitmen individu guru turut melengkapkan ukuran kuantitatif modal insan yang mempengaruhi nilai pasaran sesebuah organisasi dan merupakan sumber kelebihan kompetitif (Pfeffer, 2005).

Biarpun pengetua mempunyai kuasa yang sah dalam hierarki organisasi yang mana kuasa sah itu membolehkan pengetua untuk memerintah dan menjalankan fungsi-fungsi sekolah, namun begitu Abdullah dan Ainon (2007) berpendapat bahawa pengetua tidak lagi dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan berkesan sekiranya mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada kuasa yang ada pada jawatan yang mereka sandang semata-mata. Menurut Karen Ortazo (2007), pemimpin sekolah yang baik ialah mereka yang bijak menggunakan kuasa, memberi kebebasan tetapi ada kawalan, mempengaruhi guru, mewujudkan perhubungan yang baik dan mempercayai orang lain untuk melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat. Kepelbagaian gaya kepimpinan mendorong kepada kesan yang berbeza-beza kepada sesuatu organisasi sekolah. Pelbagai dimensi tingkah laku dan gaya kepimpinan yang wujud hasil daripada pengkaji-pengkaji kepimpinan yang lalu boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan kepimpinan pengetua. Pengetua yang efektif akan menggunakan pelbagai jenis kepimpinan mengikut keadaan dan situasi dan tidak hanya akan bertumpu kepada satu gaya kepimpinan sahaja. Kepuasan kerja guru banyak bergantung kepada kemahiran, keupayaan dan kualiti kepimpinan sekolah untuk mengorganisasikan,

memobilisasikan guru dan menginstitusikan mereka bagi merealisasikan visi dan misi yang dipersetujui bersama (Aminuddin, 1994). Pengetua perlu peka dan prihatin dengan cara atau kaedah amalan kepimpinan mereka, sama ada mampu atau tidak untuk memberi impak perubahan yang positif di sekolah dalam menghadapi isu yang timbul di dalam dunia pendidikan kini.

Menurut Blandford (1999), tugas sebagai guru kelas bagi proses pembelajaran dan sebagai pengurus kelas adalah rumit, guru menghadap banyak tuntutan, termasuk tuntutan daripada kerajaan, pihak pengurusan atasan, rakan sekerja, murid-murid, masyarakat, sistem dan komitmen sosial terhadap dirinya. Sudah tentunya ini akan menimbulkan ketegangan dan tekanan kepada guru-guru dalam melaksanakan tugasnya itu. Perasaan tidak puas hati terhadap kerja wujud apabila berlaku ketidakseimbangan antara tugas-tugas yang diberi kepada guru-guru tersebut sehingga mereka berasa terbeban. Faktor ketidakpuasan kerja pengikut juga berkait rapat dengan faktor pekerjaan itu sendiri dan peluang untuk kenaikan pangkat (Arenawati, 2002) serta konflik antara guru dengan pentadbir (Kriacou dan Sutcliffe, 1987). Guru akan cenderung untuk menjadi individu yang bermasalah seperti prestasi kerja yang rendah, kekerapan pertukaran sekolah, ketidakhadiran kerja, kebencian terhadap teman sekerja dan pelbagai lagi tingkah laku yang negatif terhadap kerja.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa kepuasan kerja dan komitmen yang ditunjukkan oleh para guru adalah berbeza mengikut jenis organisasi. Tindak balas berorientasikan sikap yang positif terhadap amalan gaya pengurusan yang fleksibel (Nik Mutasim & Nordin, 2001) serta tingkah laku kepimpinan menyokong (Perryer & Jordan, 2005) didapati adalah lebih kuat dalam kalangan guru sektor awam berbanding sektor swasta serta mempunyai hubungan yang agak positif dengan komitmen terhadap organisasi. Dalam konteks institusi guru, kajian-kajian juga mendapati bahawa gaya kepimpinan yang diamalkan khususnya kepimpinan transformasional mempunyai impak penting terhadap kejayaan institusi, fleksibiliti tugas dan prestasi serta merupakan penyumbang signifikan kepada komitmen guru terhadap institusi (Abdul Ghani, 2005; Castiglia, 2006; Gabbidon, 2005). Dapatan ini selari dengan pandangan Mumford et al. (2002) yang menegaskan bahawa pemimpin yang menggunakan orientasi kepimpinan

transformasional untuk berinteraksi dengan ahli-ahlinya, boleh mempengaruhi komitmen, identifikasi dan kerjasama mereka kepada organisasi.

Komitmen guru kepada institusi bergantung kepada keberkesanan kepimpinan serta sokongan yang diberikan oleh pemimpin (Cheng, 2005). Tingkah laku dan keberkesanan kepimpinan yang dipamerkan oleh pengetua membolehkan guru menggunakan kebolehan dan kemahiran mereka bagi menjayakan matlamat yang ingin dicapai oleh institusi dan seterusnya memperkukuhkan komitmen mereka. Justeru itu, pemimpin perlu memahami dengan jelas serta mengambil kira kesan gaya serta kredibiliti pengurusan dan kepimpinan mereka terhadap tahap komitmen kakitangan.

Kepuasan kerja amat diperlukan dalam kehidupan seseorang pekerja. Pengkaji-pengkaji seperti Herzberg (1959), Mc Gregor (1960) dan Maslow (1970) telah menekankan bahawa kepuasan bekerja merupakan satu keperluan manusia yang paling utama dan mesti dipenuhi, terutama bagi mencapai tahap kesempurnaan sendiri. Kepuasan kerja kepada seseorang individu samada ia seorang pengetua atau kerjaya-kerjaya lain adalah bergantung kepada nilai pekerjaan itu mengikut tafsiran penilaian individu itu sendiri. Ketinggian nilai pekerjaan yang dirasakan oleh seseorang individu itu boleh menyebabkan ia merasa puas hati, komited, berminat dan setia kepada pekerjaannya, seterusnya ia akan sentiasa menjalankan tugas dan kewajipannya dengan penuh kerelaan hati tanpa sebarang paksaan.

Tindakan membetulkan pencapaian guru-guru yang lemah untuk mengubah mereka ke paras produktiviti yang lebih tinggi (Robbins, 2000) akan lebih berkesan jika pengetua telah memahami guru-guru mereka. Pemimpin yang berwibawa dan berkualiti akan sentiasa membimbing daya tenaga kakitangan ke arah penyempurnaan matlamat organisasi. Menurut Zaidatol Akmaliah (1988), pemimpin yang baik akan membantu pekerja melalui peranan-peranan seperti memberi kepuasan kerja, menyelesaikan masalah, memuji, mengkritik, memberi tunjuk ajar serta sokongan moral dan seterusnya menentukan kriteria untuk mendorong ke arah pencapaian matlamat. Maka dalam usaha ini, model kepimpinan transformasional dilihat paling sesuai diimplementasikan oleh pemimpin sekolah (Hoy dan Miskel, 2004). Menurut Alimuddin (2006) kepimpinan transformasional menjadi satu

platform untuk meningkatkan modal insan di kalangan guru-guru dalam menjiwai tanggungjawabnya serta sebagai pemangkin pembangunan intelek dan profesional guru melalui empat ciri utama iaitu pengaruh ideal, pertimbangan individu, motivasi berinspirasi dan stimulasi intelektual.

Menyedari akan kepentingan kepimpinan transformasional dalam bidang pendidikan, pada tahun 2009 Jabatan Pelajaran Negeri Johor telah memberikan beberapa siri kursus mengenai kepimpinan transformasional kepada barisan pemimpin pendidikan dengan harapan para pemimpin ini akan menggunakan kemahiran yang diperoleh bagi mentransformasikan guru-guru dan sekolah ke arah sekolah yang berkesan. Rumusannya, pelbagai keperluan kepimpinan pendidikan masa kini yang menyebabkan pemimpin sekolah perlu mengetahui tingkah laku kepimpinan yang sesuai dengan keperluan guru dan persekitaran sekolah mereka telah merangsang kajian ini dijalankan. Pengurusan sekolah tidak akan berjalan dengan lancar dan berkesan sekiranya pengetua tidak menyedari dan memahami peranan mereka di sekolah dan kepentingan mempelajari mengenai kepimpinan dan kepuasan kerja.

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Gaya kepimpinan transformasional merupakan gaya kepimpinan mempengaruhi pengikut dengan merangsang dan memotivasikan pengikut supaya mengambil bahagian dalam aktiviti organisasi ke arah pencapaian matlamat. Gaya kepimpinan transformasional seharusnya mampu untuk memastikan pengikut mencapai kepuasan dalam bekerja bersama-sama pemimpin yang menggunakan gaya ini. Kajian-kajian lepas menunjukkan masih kurang kajian yang mengkaji berkenaan gaya kepimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru. Oleh itu, kajian ini memfokuskan berkenaan gaya kepimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru di sekolah menengah kebangsaan.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti gaya kepemimpinan transformasional (pengaruh ideal, pertimbangan individu, motivasi berinspirasi dan stimulasi intelektual) yang paling dominan diamalkan oleh pengetua di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.
2. Mengenalpasti tahap kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.
3. Mengenalpasti hubungan gaya kepemimpinan transformasional pengetua dengan tahap kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.

1.5 PERSOALAN KAJIAN

1. Apakah tahap gaya kepemimpinan transformasional (pengaruh ideal, pertimbangan individu, motivasi berinspirasi dan stimulasi intelektual) yang paling dominan diamalkan oleh pengetua di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang?
2. Apakah tahap kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang?

1.6 HIPOTESIS KAJIAN

- Ho1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh ideal (*idealized influence*) dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.
- Ho2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pertimbangan individu (*individualized consideration*) dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.
- Ho3: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi berinspirasi (*inspirational motivation*) dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.
- Ho4: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara stimulasi intelektual (*intellectual stimulation*) dengan kepuasan kerja guru di sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Secara umum, kajian ini mempunyai beberapa kepentingan yang dapat dijadikan panduan oleh pengetua sekolah dalam usaha menjana komitmen guru di sekolah.

1.7.1 Peringkat Pengubal Dasar

Kepimpinan dalam pendidikan merupakan komponen yang penting dalam mencapai matlamat kecemerlangan pendidikan. Kepentingan kepimpinan menjadi keutamaan terutama dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia mengangkat martabat pendidikan ke peringkat dunia selaras dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) untuk menjadikan sistem pendidikan Malaysia yang lebih cekap, berkesan dan bertaraf dunia bagi menyediakan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan dan meningkatkan martabat pendidikan Malaysia pada peringkat antarabangsa. Kajian tentang gaya kepimpinan dan kepuasan kerja merupakan langkah untuk memahami peranan gaya kepimpinan terhadap kepuasan kerja agar dapat memberikan maklumbalas demi kepentingan pengurusan terutama di peringkat sekolah.

Dapatan kajian kelak diharap mampu memberi celik akal dan pemahaman berkaitan amalan kepimpinan pengetua di Malaysia. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga diharap dapat membantu pengetua menilai semula kekuatan dan kelemahan setiap stail kepimpinan melalui penemuan empirikal dan kajian yang terperinci. Natijahnya, pengetua akan memperolehi khazanah ilmu dan panduan terutamanya ketika mereka mengamalkan stail kepimpinan yang sesuai mengikut situasi dan keperluan agar dapat memimpin sekolah dengan berkesan.

1.7.2 Peringkat Pelaksanaan Dasar

Pengetua dapat menambah pengetahuan berkenaan gaya kepimpinan yang terbaik bagi memastikan segala urusan yang melibatkan pengurusan sekolah dapat dijalankan dengan baik dan seterusnya memimpin guru-guru ke arah pengajaran yang lebih cemerlang. Pengetua dapat menyediakan ruang yang terbaik bagi guru-guru mempertingkatkan kepuasan kerja dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Keadaan ketidakselesaan di antara pemimpin sekolah

dengan guru-guru harap dapat dikurangkan agar usaha menjamin keberkesanan sekolah dapat ditingkatkan. Keadaan ini memberikan kefahaman bahawa gaya kepimpinan pengetua dan keselesaan kerja guru di sekolah penting untuk mewujudkan kerjasama yang erat dalam memacukan sekolah menuju kejayaan dan kecemerlangan. Selain itu, perkara yang paling utama daripada kajian ini bukan sahaja untuk keperluan akademik, tetapi juga akan menjadi satu panduan yang bermanfaat kepada pengurusan pendidikan sebagai bahan rujukan untuk mengambil langkah-langkah pengukuhan dan peneguhan terhadap pengurusan sekolah. Maklumbalas daripada kajian dapat membantu pengetua atau bakal pengetua mengaplikasikan jenis gaya kepimpinan yang perlu diwujudkan di sekolah bagi memastikan keselesaan dan kepuasan kerja guru bagi mewujudkan pengurusan sekolah lebih berkesan lagi.

1.7.3 Peringkat Penambahan Ilmu

Kajian ini juga dijangka berupaya memberi idea dan input bukan sahaja kepada pengetua malah kepada semua pihak sama ada peringkat sekolah, jabatan pendidikan negeri mahupun Kementerian Pelajaran Malaysia. Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini juga dapat digunakan sebagai garis panduan kepada pembinaan satu model kepengetuaan berasaskan konteks dan budaya Malaysia. Dapatan kajian ini juga berupaya menjadi rujukan kepada pengetua sekolah iaitu bagaimana melaksanakan amalan kepimpinan yang dapat mempertingkatkan kepuasan kerja guru di sekolah.

Maklumat yang diperolehi daripada kajian ini juga dapat membantu pengetua menilai dan merefleksi semula kesan kepimpinan mereka terhadap kepuasan guru terhadap sekolah. Dalam hal ini, pengetua akan berupaya mengamalkan stail kepimpinan yang dapat menjana komitmen guru-guru di sekolah yang sememangnya mempunyai hubungan dengan peningkatan akademik pelajar. Ia juga berperanan sebagai pembuka ruang kepada penyelidik yang berminat melaksanakan kajian dalam bidang kepengetuaan dan kepimpinan sekolah.

1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Beberapa batasan kajian yang dikenalpasti oleh penyelidik:

a) Fokus Kajian

Fokus kajian ini terbatas kepada kepimpinan transformasional yang merupakan tingkah laku kepimpinan yang popular pada masa kini. Pemboleh ubah bersandar yang digunakan dalam kajian ini pula terbatas kepada kepuasan kerja guru.

b) Pensampelan

Populasi kajian ini terdiri daripada guru-guru dari sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang. Responden atau guru-guru yang terlibat dalam menjawab soal-selidik pula adalah seramai 345 orang dari sekolah-sekolah menengah kebangsaan di daerah Pasir Gudang. Dapatan kajian ini mungkin berbeza dengan dapatan kajian lain yang menggunakan sampel yang berlainan.

c) Alat Ukur

Alat yang digunakan untuk mengukur kepimpinan transformasional dalam kajian ini adalah menggunakan alat ukur yang disesuaikan dari skala MLQ (*Multi Faktor Leadership Questionnaire*). Form 5X-Rater (1992). Soal selidik ini adalah semakan dari MLQ Form 5 yang telah dibentuk oleh Bass pada tahun 1985. Alat ukur ini menggabungkan kesemua dimensi kepimpinan itu di bawah empat dimensi besar iaitu motivasi berinspirasi/karisma, pertimbangan secara individu, pengaruh ideal dan stimulasi intelek. Walaupun ketiga-tiga alat ukur yang digunakan ini adalah sah dan mempunyai darjah pekali yang tinggi, namun dapatan kajian mungkin berbeza sekiranya alat ukur yang lain digunakan dalam kajian ini. Bagi mengukur kepuasan kerja guru, alat ukur yang digunakan adalah *Minnesota Satisfaction Questionnaire* (MSQ) yang dicetuskan oleh Weiss, Dawis, England, dan Lofquist (1967). Soal selidik ini diadaptasi daripada gabungan asas Teori Keperluan Hierarki Maslow dan Teori Dua


Faktor Herzberg yang mana item-item daripada soal selidik ini terdapat dalam kedua-dua teori tersebut. Namun ia telah diubahsuai mengikut kesesuaian keadaan dalam kajian Khalid (1997). Item yang termasuk dalam alat ukur ini adalah tentang pekerjaan secara umum, peluang kenaikan pangkat, penyeliaan, rakan setugas serta sikap terhadap kerja dan tugas.

1.9 KERANGKA KAJIAN

Kerangka kajian ini dibincangkan melalui kerangka teori dan kerangka konsep kajian.

1.9.1 KERANGKA TEORI KAJIAN

Dalam aspek kepimpinan, kajian ini berdasarkan kepada Teori Kepimpinan Transformasional oleh Bass (1985) dan Teori Keperluan Hierarki Maslow (1970) dan Teori Dua Faktor Herzberg (1959), Tingkah laku kepimpinan yang terdapat dalam teori ini menunjukkan bagaimana ia boleh mempengaruhi dalam memberi kepuasan kerja kepada guru-guru.

Teori Kepimpinan Transformasional**Teori Kepuasan Kerja****Rajah 1.1: Kerangka Teori****1.9.1.1 Teori Kepimpinan Transformasional**

Menurut Bass (1985), sejauh mana seseorang ketua dikatakan menggunakan teori kepimpinan transformasional adalah berasaskan kepada kesan kepimpinannya ke atas pengikutnya. Kesan tersebut boleh dilihat pada tahap kepercayaan, sanjungan, kesetiaan dan rasa hormat pengikut kepada pemimpin mereka. Menerusi kepimpinan transformasional, Bass (1985) memperkenalkan kecekapan pemimpin dalam membangkitkan satu pembaharuan strategik dalam organisasi dengan menekankan kepada perubahan yang dapat dilihat pada diri pengikut hasil daripada tingkah laku pemimpin.

Kepimpinan transformasional menggerakkan pengikut dengan merangsang dan memotivasikan pengikut supaya mengambil bahagian dalam aktiviti organisasi ke arah pencapaian matlamat. Mereka tidak menentukan pelaksanaan dengan menggunakan peraturan, arahan dan dorongan kewangan tetapi lebih memusatkan kepada kualiti tersirat seperti visi, nilai yang dikongsi, idea yang dapat membina perhubungan atau mewujudkan kesepakatan antara guru-guru agar mereka dapat mencipta sesuatu pembaharuan (Podsakoff *et al.*, 1996). Umumnya pengikut menganggap pemimpin transformasional sebagai berkarisma,

memberikan inspirasi, memotivasi dan merangsang intelektual guru seperti menggalakkan guru menyelesaikan masalah lama dan serupa dengan cara baru.

1.9.1.2 Teori Kepuasan Kerja

Pelbagai teori yang dikaitkan dengan kepuasan kerja seseorang kakitangan itu. Maslow (1970) telah merumuskan bahawa beberapa elemen asas yang mempengaruhi tahap kepuasan dan motivasi individu dalam kehidupan mereka seharian. Teori hierarki Maslow merupakan asas dalam memainkan peranan setiap individu dalam memenuhi keperluan mengikut peringkat atau hierarki. Keperluan psikologi merupakan hierarki paling rendah dan jika ianya dipenuhi maka tahap keperluan akan meningkat kepada hierarki atau tahap selanjutnya. Maslow mengatakan keperluan manusia dapat disusun mengikut hierarki yang dikategorikan kepada 5 peringkat dan teori hierarki keperluan Maslow merupakan proses keperluan asas manusia. Gambaran dan penjelasan berkaitan Teori Keperluan Hierarki Maslow mengikut hierarki adalah seperti ditunjukkan dalam rajah berikut:



Rajah 1.2: Teori Maslow


